

# UMS tandatanganl MoA bersama Kementerian Pendidikan Timor-Leste

4B 12.11.2016 A2

KUALA LUMPUR: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyemarakkan lagi usaha pengantarabangsaan dengan menandatangani satu Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Kementerian Pendidikan Republik Demokratik Timor-Leste pada Rabu di salah sebuah hotel di Kuala Lumpur.

UMS diwakili Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin, manakala Timor-Leste diwakili Timbalan Menteri Pelajaran 1, Dulce De Jesus Soares.

Disaksikan Pro-Canselor UMS, Tan Sri (Dr.) Yeoh Tiong Lay, perjanjian selama lima tahun itu antaranya bakal menyaksikan kehadiran pelajar dari Timor-Leste yang ditaja Kementerian Pendidikan negara itu melanjutkan pengajian di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah di UMS.

Terdahulu, Dulce De Jesus dalam ucapannya berkata, Timor-Leste memerlukan sumber manusia yang terbaik, dalam beberapa bidang pertanian mampan, pengurusan pelancongan, kejuruteraan, sains dan pendidikan kemanusiaan.

“Dengan sumber manusia



D KAMARUDIN (depan kiri) dan Dulce (depan kanan) saling bertukar dokumen MoA sambil disaksikan Yeoh Tiong Lay (belakang tengah), Jose Antonio (belakang tepi kiri) dan No'man (belakang tepi kanan).

bertambah baik, Timor-Leste bukan sahaja dapat menjadi sebuah negara yang makmur, tetapi boleh mempunyai cara untuk mencapai matlamat pembangunan mampan untuk menggalakkan masa depan yang cerah kepada rakyat,” katanya.

Beliau percaya bahawa memorandum yang ditandatangani akan menyokong Timor-Leste dalam mengambil satulangkah ke hadapan ke arah ini.

“UMS mempunyai semua kualiti yang kita cari sebagai sebuah institusi rakan kerjasama, iaitu rekod

kecemerlangan berdaftar dalam bidang akademik dan penyelidikan selain pelbagai program yang telah tersedia menyokong pelajar untuk berjaya.

“Belajar di UMS merupakan peluang yang baik kepada para pelajar kami dalam mendapatkan ilmu dan pengalaman di sebuah institusi pendidikan yang terkenal di ASEAN,” tambah Dulce.

Menurutnya lagi, pihaknya tidak mempunyai keraguan bahawa apabila pelajar-pelajar mereka lulus dari UMS, mereka telah mencapai tahap pendidikan akademik

yang lebih tinggi.

“Kami berharap para pensyarah serta seluruh warga UMS, akan memberi dorongan dan motivasi kepada pelajar kami untuk membuat perubahan kepada masyarakat Timor-Leste,” katanya.

Majlis menandatangani MoA itu turut dihadiri Duta Besar Republik Demokratik Timor Leste ke Malaysia, Jose Antonio Amorim Dias; Ahli Lembaga Pengarah UMS, Datuk Dr Yusof Yacob dan Prof. Dr. Marcus Jopony serta Pendaftar UMS, No'man Datuk Haji Ahmad.